MABOPA telah menerima kelulusan dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, untuk kemaskini perlembagaan yang mula berkuatkuasa pada 11 November 2011. Kemaskini perlembagaan dibuat untuk memasukkan klausa-klausa bagi membolehkan MABOPA menubuhkan syarikat milik penuh bagi melibatkan diri dalam perniagaan.

Naskah terkini perlembagaan MABOPA telah dimasukkan dalam laman web MABOPA untuk rujukan ahli. (Sila rujuk di lampiran 1)

2.0 Pejabat MABOPA

Pada masa ini pejabat MABOPA mempunyai 2 orang pegawai sepenuh masa. Sebagai makluman kepada ahli, Cik Ellia Ab. Rahim telah meletakkan jawatan sebagai Eksekutif Pentadbiran pada 30 September 2011.

Untuk menggantikan tempat beliau, MABOPA telah melantik seorang pembantu pegawai pentadbiran, Cik Nur Husnul Izza Binti Musa yang mula bertugas pada 13 Disember 2011. Dengan dua kakitangan sepenuh masa, urusan pentadbiran persatuan dapat berjalan dengan lebih baik dan lebih aktif.

3.0 Direktori MABOPA 2012-2013

MABOPA telah menyediakan satu Direktori baru untuk sesi 2012/2013. Direktori baru ini mempunyai maklumat yang lebih terperinci dan terkini mengenai ahli-ahli MABOPA. Projek direktori ini telah menghasilkan keuntungan lebih dari RM35,000 untuk persatuan. Projek ini juga membolehkan MABOPA menyediakan data terkini mengenai industri buku Malaysia untuk kegunaan pembuat dasar dan juga untuk disebarikan ke peringkat antarabangsa.

MABOPA merakamkan ucapan terima kasih kepada semua para penaja dan ahli-ahli yang telah memberikan kerjasama untuk menghasilkan direktori yang terkini.

Maklumat terkini yang telah dikumpul ini juga telah dikemaskini di dalam laman web MABOPA.

4.0 Laman web dan Facebook Page MABOPA.

Laman web MABOPA terus dikemaskini dari masa ke semasa dengan maklumat terkini. Laman web MABOPA ada di www.mabopa.com.my.

MABOPA juga telah menubuhkan Facebook page sendiri, yang boleh kini aktif menerima sumbangan artikel dari bekas Exco MABOPA, En Young Poh Loon.

Ahli-ahli boleh menyertai Facebook Page MABOPA di <https://www.facebook.com/pages/Malaysian-Book-Publishers-Association-MABOPA/161307767242829>. Exco berharap yang aktiviti laman sosial ini akan membantu menghubungkan MABOPA dengan masyarakat umum.

5.0 Biro Buku Akademik.

5.1 Memorandum Cadangan bagi Meningkatkan Kualiti dan Kelancaran Proses Penerbitan dan Penedaran Buku Teks KBSM & KSSR

Memorandum kepada Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia telah dihantar oleh MABOPA pada 24 Mei 2011 yang mengandungi cadangan bagi meningkatkan kualiti dan kelancaran proses penerbitan dan penedaran buku teks KBSM dan KSSR. Sila lihat lampiran 2 untuk salinan memorandum.

5.2 Sesi Perbincangan Meja Bulat Dalam Isu Rayuan Jadual Penghantaran Buku Teks Ke sekolah-sekolah di Sabah & Sarawak.

Perbincangan ini diadakan hasil dari kesukaran ahli-ahli untuk membuat penghantaran buku-buku teks ke sekolah-sekolah di Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Hasil dari perbincangan ini, persatuan telah menghantar surat rayuan kepada Pengarah Bahagian Buku Teks untuk merayu agar melanjutkan tarikh akhir pembekalan pada 29 Disember 2011.

Sila rujuk lampiran 3.

5.3 Sesi Perbincangan Meja Bulat Berkenaan Garis Panduan Untuk Penghasilan Buku Kerja dan Bahan Bercetak Bukan Bawah Kawalan KPM.

Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil serius tentang pelbagai isu yang timbul berkaitan dengan buku kerja dan bahan bercetak oleh penerbit swasta yang digunakan disekolah. Maka satu Garis Panduan Untuk Penghasilan Buku Kerja dan Bahan Bercetak Bukan Bawah Kawalan KPM telah dihasilkan. Ahli-ahli MABOPA yang terlibat dalam penghasilan buku kerja telah dipanggil dalam satu sesi perbincangan pada 22 Februari 2012 dan dihadiri seramai 20 orang ahli.

Hasil dari perbincangan meja bulat diantara ahli-ahli dan Biro Akademik, keputusan dicapai bahawa garis panduan ini diterima dan disokong kerana ia menekankan aspek kualiti dan legalasi.

Sila lihat lampiran 4.

5.4 Jualan Buku Teks Secara Online.

BBT telah memohon pihak persatuan menyenaraikan laman sesawang ahli MABOPA yang menawarkan pembelian buku teks secara *online* dan alamat emel ahli yang menawarkan pesanan melalui emel. Dengan kerjasama ahli-ahli, satu senarai laman sesawang telah dihantar kepada pihak BBT. Sila lihat lampiran 5.

6.0 Biro Trade & Library Book

Secara umumnya, penerbit buku Trade Book di Malaysia berkembang dengan baik sepanjang tahun 2011 dan 2012. Walaupun begitu, kedua-dua segmen ini sedang berhadapan dengan perkembangan teknologi dalam bentuk ebook.

6.1 Perpustakaan Digital & Pelancaran Ebookstore.

Untuk pasaran buku pendidikan tinggi (*college & higher education*), kita telah melihat trend jelas dan nyata migrasi perpustakaan universiti ke digital. Malah, untuk sesetengah kategori seperti jurnal, kita melihat yang perpustakaan universiti telah berpindah ke 100% digital.

Pada masa ini, perpustakaan umum seperti Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Perpustakaan Negeri Sabah telah mula menawarkan katalog digital kepada pelanggan mereka. Trend ini dijangka akan mula

diikuti oleh perpustakaan negeri dan perpustakaan korporat yang lain. Langkah perpustakaan ini telah membuka pasaran baru untuk penerbit tempatan.

Untuk pasaran konsumer, telah ada beberapa ebookstore yang dilancarkan dalam tahun 2012, seperti E-Sentral, MPH Online dan Maxis Ebuuks. Google ebooks dijangka akan menyusul pada penghujung tahun 2012. Pada masa ini, katalog digital yang ada masih dimonopoli oleh buku luar negara. Tetapi, beberapa penerbit tempatan mula menawarkan buku-buku mereka dalam edisi ebook untuk pembaca tempatan.

6.2 Cabaran Digital.

Pihak persatuan telah memulakan langkah untuk:

1. Membuat latihan bagi membolehkan penerbit tempatan melibatkan diri dalam pasaran baru ini.
2. Membuat kerjasama dengan pemain-pemain baru dalam bidang ini.
3. Cadangan untuk menubuhkan satu forum digital bagi membincangkan isu-isu terkini dalam segmen ebook tempatan.

6.3 Cabaran dalam tender-tender pembekalan buku kerajaan.

Ahli-ahli MABOPA menghadapi cabaran yang besar dalam tender-tender pembelian utama dari PNM dan KEMAS.

Dalam pembelian PNM dalam tahun 2011, jumlah market share ahli MABOPA adalah rendah, sekitar 25% sahaja. Oleh itu, pihak persatuan telah menulis surat meminta supaya pihak PNM memberikan pertimbangan yang lebih kepada buku-buku terbitan ahli MABOPA. Sebagai satu langkah dalam tahun 2012, MABOPA akan mengeluarkan surat sokongan untuk semua ahli-ahli MABOPA yang telah menghantar buku-buku mereka untuk tujuan penilaian di PNM. Pihak Exco berharap yang langkah ini akan memperbaiki kadar kejayaan ahli-ahli MABOPA dalam tender pembelian PNM.

Dalam pembelian KEMAS, ahli-ahli MABOPA yang tidak berstatus Bumiputera telah memohon supaya mereka tidak dikecualikan dari pembelian buku oleh KEMAS. Sehubungan dengan itu, MABOPA telah menulis satu surat kepada Ketua Pengarah KEMAS, untuk merayu bagi pihak ahli yang bukan Bumiputera. Walaubegitu, kita telah dimaklumkan yang pembelian KEMAS tertakluk kepada dasar yang telah ditetapkan.

Kita berharap supaya pertemuan dengan pihak KEMAS selepas ini akan boleh memperbaiki situasi ini.

7.0 Biro Buku Islam

Bahagian Kawalan Penerbitan dan Teks Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang melaksanakan penggunaan pelekat hologram terhadap teks dan bahan Al-Quran yang telah mendapat kelulusan dari Lembaga Pengawasan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran (LPPPQ), KDN. Penggunaan pelekat hologram tersebut telah diwartakan berkuatkuasa mulai 1 Februari 2010 dan dijual pada harga RM1 setiap unit kepada penerbit.

MABOPA telah membuat surat rayuan kepada pihak KDN pada 20 September 2011 dan 12 November 2011 untuk menangguhkan perlaksanaan penggunaan hologram ini, sehingga satu perbincangan dan kajian lanjut dalam hal ini boleh dilaksanakan. MABOPA berpendapat yang langkah ini akan memberikan kesan kenaikan harga Al-Quran kepada pengguna, dan tidak dapat mengatasi masalah cetak rompak atau Al-Quran seludup.

Hasil dari permohonan MABOPA ini, satu pertemuan dengan Timbalan KSU KDN telah berlangsung pada 23 November 2011 untuk membincangkan isu ini. Seterusnya, KSU KDN telah memanggil semua penerbit dan pencetak Al-Quran untuk sesi dialog pada 15 Disember 2011.

Biro Buku Islam telah membuat rayuan kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengatasi masalah ini.

Sila rujuk lampiran 6 dan 7 untuk surat MABOPA kepada KDN.

8.0 Biro Buku Vernakular

Biro Buku Vernakular sentiasa mengkaji dan meneliti isu-isu yang berkaitan dengan penerbitan buku-buku Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dan membawa ke perhatian Exco MABOPA semasa ke semasa untuk tindakan lanjut.

Isu pembelian buku-buku vernakular telah dibangkitkan semasa perjumpaan dengan Ketua Pengarah PNM. Berikutan dengan dialog dengan beliau, PNM telah memberi tumpuan kepada perkara ini dan telah mula membeli buku-buku vernakular dalam kuantiti yang kecil.

Pengerusi biro juga telah menghadiri Mesyuarat Penghantaran Buku Teks di BBT dan mengemukakan isu-isu yang dihadapi oleh penerbit vernakular dalam penghantaran Buku Teks ke Sabah, Sarawak dan WP Labuan serta masalah penjualan Buku Teks Vernakular di pasaran terbuka. Beberapa tindakan susulan telah dipersetujui oleh BBT dan MABOPA.

Dalam Mesyuarat Penelitian Garis Panduan Penyediaan Buku Kerja yang telah disediakan oleh BBT, Biro Buku Vernakular telah mencadangkan yang penyediaan buku kerja harus diteruskan seperti sediakala tanpa kawalan BBT. Walaubagaimanapun Biro Buku Vernakular menyokong garis panduan ini demi menjaga kualiti buku kerja.

Pada keseluruhan, boleh disimpulkan yang sektor penerbitan buku vernakular berkembang maju.

9.0 Biro Latihan dan R&D.

MABOPA telah terlibat dalam penganjuran beberapa program seminar sepanjang tempoh laporan ini.

9.1 *Selling Rights: Intermediate and Advance Level Course.*

Seminar ini telah dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dengan kerjasama MABOPA. Seminar ini telah berlangsung pada 11-13 Julai 2011 di Sheraton Imperial Hotel, Kuala Lumpur dan dipandu oleh Ms Lynette Owen, Pengarah Hakcipta, Pearson Education Ltd. Seramai 30 peserta telah menyertai seminar ini termasuk dari negara Singapura dan Indonesia. Seminar ini memberi pendedahan kepada pedagang hakcipta berkenaan praktikal dan isu-isu yang dihadapi oleh industri.

Sila lihat lampiran 8 untuk gambar-gambar sepanjang seminar.

9.2 Mini Seminar: *Prospects For A Malaysian Reproduction Rights Organisation (RRO).*

Mini seminar ini dianjurkan oleh MABOPA untuk menerangkan kepentingan dan kebaikan untuk mewujudkan RRO di Malaysia. Ia telah berlangsung pada 18 Oktober 2011 di Pejabat MABOPA dan seramai 15 orang ahli telah hadir untuk memberi maklum balas dan perbincangan dengan wakil dari IFFRO.

Wakil IFFRO yang telah membuat pembentangan pada hari itu adalah Ms *Caroline Morgan, General Manager, Copyright Agency Limited (CAL), Australia* dan *Mr. Paul Wee, CEO, Copyrights Licensing and Administration Society of Singapore (CLASS), Singapore.*

9.3 Training : Intermediate EPub conversion for Verbatim E-books.

MABOPA telah mengadakan dua sesi latihan khusus untuk *E-book* pada 22 Disember 2011 dan 19 Januari 2012 di Pejabat MABOPA. Sesi latihan ini telah disertai lebih 35 ahli dan juga menerima penyertaan dari Perpustakaan Negara Malaysia(PNM) dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia(MBKM). Objektif latihan ini adalah untuk melatih ahli-ahli MABOPA untuk menerbitkan buku dalam format *EPUB* secara teori dan praktikal. Ebook yang dihasilkan boleh dipasarkan ke ebookstore tempatan dan juga antarabangsa.

Melihat kepada perkembangan pesat dalam segmen ini, MABOPA merancang untuk meneruskan program latihan ebook pada tahun 2012.

9.4 Sesi Taklimat Dari Google E-book.

Satu sesi taklimat telah diadakan di pejabat MABOPA pada 9 Februari 2012 oleh Mr. Mark Tanner dari *Strategic Partnerships-Google Print* bersama-sama dengan Mr. Chris Palma. Skop taklimat pada hari itu meliputi perkembangan terkini Google E-book dan rancangan pelancaran Google di Malaysia. Seramai 40 orang ahli telah menghadirkan diri untuk sesi ini.

Google ebooks, apabila dilancarkan akan menjadi satu lagi saluran untuk ahli MABOPA menjual buku mereka.

10.0 Biro Hal-ehwal Antarabangsa.

10.1 2011 China-ASEAN Publishing Expo

2011 China-ASEAN Publishing Expo berlangsung pada 22-24 Oct 2011 di Nanning, PR China telah diwakili oleh Encik Mohd Sharif Apen dari MBKM dan Encik Koh Yok Hwa dari MABOPA sebagai delegasi rasmi dari Malaysia. Tema expo pada kali ini ialah "*Books promote friendship, harmony enhances co-development*". Seramai 30 orang pelawat dari 10 buah negara ASEAN termasuk pegawai-pegawai kerajaan, penerbit

swasta dan pemimpin persatuan buku menghadiri forum tersebut. Belasan penerbit utama China juga turut memeriahkan forum dengan memberi laporan syarikat masing-masing.

Encik Mohd Sharif telah memaklumkan kepada forum hasrat Malaysia untuk menerbitkan 26,000 buah judul buku setahun untuk memenuhi permintaan pasaran yang berkembang pesat serta trend-trend penerbitan buku terkini di Malaysia. Beliau juga mengalu-alukan tawaran kerjasama dari negara China dan negara-negara ASEAN secara lebih erat dengan penerbit-penerbit Malaysia.

Kesimpulannya, pihak penganjur forum Nanning iaitu *Administration of Press & Publication*, PR China telah menyatakan kesediaan mereka untuk mengeratkan lagi kerjasama dua hala dalam penerbitan dan kebudayaan dengan negara-negara ASEAN pada masa akan datang.

10.2 ABPA AGM 2011 & Singapore Rights Fair

Beberapa orang ahli Exco MABOPA telah menghadiri majlis serahan jawatan Presiden ABPA di Singapura pada 28 Oktober 2011. Nama-nama mereka seperti berikut:

1. Dato' (Dr.) Hussamuddin Yaacub.
2. Encik Raymond Yeo Chin Hean
3. Encik Arief Hakim Sani Rahmat
4. Encik Samuel Sum
5. Puan Hajah Sabariah Abdullah

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan ABPA tahun 2011 ini, Presiden MABOPA telah bersara dari jawatan Presiden ABPA, dan Presiden SBPA, Ms. Triena Ong telah dilantik sebagai presiden ABPA yang baru sepertimana mengikut sistem giliran. Presiden ABPA yang baru telah melantik Mr. Tan Wu Cheng dari SBPA, sebagai Setiausaha Agung ABPA yang baru.

MABOPA juga turut mengambil bahagian dalam Singapore Rights Fair 2011 semasa berada di Singapura. Kesemua Exco yang terlibat telah pergi atas kos sendiri.

10.3 *Indonesia Rights Fair 2011* di Jakarta, Indonesia.

MABOPA juga mengambil bahagian dalam *Indonesia Rights Fair* yang dianjurkan sempena *Indonesia International Book Fair 2011* pada bulan November 2011. MABOPA telah menjadi koordinator untuk mendaftarkan ahli-ahli MABOPA yang mengambil bahagian dalam Rights Fair ini. Kesemua Exco yang terlibat telah pergi atas kos sendiri.

10.4 ABPA Executive Committee Meeting 1/2012 di Bangkok.

MABOPA juga turut menghantar wakil untuk mesyuarat jawatankuasa ABPA pada 29 Mac 2012 di Bangkok, Thailand. Wakil MABOPA adalah seperti berikut;

1. Tuan Haji Ishak Hamzah.
2. Encik Raymond Yeo Chin Hean
3. Encik Arief Hakim Sani Rahmat

Kesemua Exco yang terlibat telah pergi atas kos sendiri.

11.0 Biro Hakcipta & Undang-undang.

11.1 Rang Undang-Undang Hakcipta (Pindaan) 2010.

Rang Undang-Undang Hakcipta (Pindaan) 2010 telah diluluskan oleh parlimen dalam sidang Ke-3 tahun 2011, pada Oktober 2011. Akta baru ini dijangka akan mula dikuatkuasakan bermula pada April 2012.

Biro Hakcipta & Undang-undang bercadang untuk menganjurkan sesi penerangan berkenaan akta baru ini untuk ahli persatuan.

11.2 *Rights Reproduction Agency (RRO)*

Pihak persatuan telah menerima permintaan dari *The International Federation of Reproduction Rights Organisations (IFFRO)* untuk menubuhkan RRO di Malaysia. Penubuhan RRO Malaysia akan dibantu dengan sokongan teknikal dari RRO Singapura, dan RRO Australia.

Pengerusi Biro telah mengadakan satu pertemuan dengan Mr Olav Stokkmo, Chief Executive untuk IFFRO semasa *Frankfurt Book Fair 2011* bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang hal ini. Selepas pertemuan itu, Exco berpendapat yang langkah ini akan memberi lebih

banyak manfaat kepada penerbit luar negara berbanding dengan penerbit tempatan. Walau begitu, kita tidak menolak keperluan untuk menubuhkan RRO di Malaysia.

Pada masa ini, pihak persatuan belum mempunyai ketua projek yang mampu menjuarai projek ini.

11.3 Masalah Cetak Rompak.

Ahli-ahli MABOPA masih terus berdepan dengan masalah cetak rompak secara fotokopi di peringkat sekolah, kolej dan universiti pada masa ini. Sehingga kini kita belum menemui penyelesaian yang efektif dalam perkara ini. Salah satu jalan keluar yang dicadangkan adalah dengan penubuhan RRO, untuk mengutip royalti bagi bahan-bahan yang difotokopi.

Ahli juga telah mula menghadapi masalah cetak rompak secara digital, selaras dengan perkembangan internet di negara ini. Biro Hakcipta & Undang-undang sedang merancang untuk mengadakan dialog dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi membentuk kerjasama dalam menangani masalah cetak rompak digital.

12.0 Biro Pesta Buku & Pembangunan Perniagaan

Biro Pesta Buku & Pembangunan Perniagaan, melalui beberapa mesyuaratnya telah mencadangkan beberapa pindaan perlembagaan untuk membolehkan persatuan terlibat dalam aktiviti perniagaan. Satu Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) telah dipanggil pada 30 Julai 2011 untuk mengusulkan beberapa pindaan kepada perlembagaan MABOPA.

Biro ini turut terlibat dalam perancangan awal cadangan kerjasama dalam Pesta Buku Antarabangsa Melaka 2012 antara MABOPA dan Perbadanan Hang Tuah Jaya. Beberapa sesi perjumpaan telah diatur dan kertas kerja telah dibentangkan oleh Pengerusi Biro kepada Ketua Menteri Melaka. Namun begitu MABOPA tidak dilantik untuk menjadi penganjur bersama dalam Pesta Buku Melaka.

Pada masa ini, Biro memfokuskan kepada rancangan untuk menganjurkan Pesta Buku MABOPA sendiri.

13.0 MABOPA dan Media

Sepanjang tempoh penggal ini, Timbalan Presiden, Tuan Haji Ishak Hamzah telah mengulas dalam News Strait Times pada 1 Mei 2011 dalam artikal '*When the books are bad for children*' oleh Chandra Devi Renganayar berkenaan buku kanak-kanak yang berkualiti rendah terdapat di kedai-kedai buku, pesta buku dan juga di perpustakaan sekolah terutama buku yang ditulis dalam bahasa Inggeris dengan kandungan isi yang lemah, serta kesilapan fakta dan tatabahasa.

Encik Chia Hai Chew pula telah mengulas dalam Utusan Malaysia Online pada 3 Januari 2012 dalam artikal 'Bekalan Buku Teks Mencukupi' berkenaan pembekalan buku teks adalah mencukupi untuk menampung keperluan sesi persekolahan 2012.

14.0 Keahlian MABOPA

14.1 Keahlian Baru

19 penerbit baru telah menyertai MABOPA sepanjang tempoh laporan ini iaitu:

1. Al-Baghdadi Methods (keahlian pada 11 Mei 2011)
2. Buku FIXI (keahlian pada 8 Jun 2011)
3. In Team Publishing Sdn Bhd (keahlian pada 30 September 2011)
4. EBB and Folks (keahlian pada 30 September 2011)
5. Inno Jati Sdn Bhd (keahlian pada 30 September 2011)
6. Moy Publications Sdn Bhd (keahlian pada 21 Disember 2011)
7. Pustaka Ibnu Katsir Sdn Bhd (keahlian pada 21 Disember 2011)
8. JS Adiwarna Publications & Distributors Sdn Bhd (keahlian pada 21 Disember 2011)
9. PSN Publications Sdn Bhd (keahlian pada 21 Disember 2011)
10. Percetakan Bumirestu Sdn Bhd (keahlian pada 21 Disember 2011)
11. Yamani Angle Sdn Bhd (keahlian pada 16 Februari 2012)
12. As Sohwah Enterprise (keahlian pada 16 Februari 2012)
13. Abadi Ilmu Sdn Bhd (keahlian pada 16 Februari 2012)
14. RYTHM House Publishing Sdn Bhd (keahlian pada 16 Februari 2012)
15. Nur Niaga Sdn Bhd (keahlian pada 22 Mac 2012)
16. Zeti Enterprise (keahlian pada 22 Mac 2012)
17. Evergreen Publisher Sdn Bhd (keahlian pada 22 Mac 2012)
18. Nyla Sdn Bhd (keahlian pada 22 Mac 2012)
19. Bluetoffee Sdn Bhd (keahlian pada 22 Mac 2012)

14.2 Penarikan Diri dari Keahlian

5 ahli telah menarik diri sebagai ahli MABOPA iaitu:

1. Mahir Holdings Sdn Bhd (menarik diri pada 11 Mei 2011)
2. Penerbit Wawasan Didik (menarik diri pada 11 Mei 2011)
3. JB Uni Success Sdn Bhd (menarik diri pada 21 Disember 2012)
4. Komikku Daiichi Sdn Bhd (menarik diri pada 21 Disember 2012)
5. Yayasan Ilmuan Sdn Bhd (menarik diri pada 22 Mac 2012)

14.3 Keahlian ditamatkan

Berikut adalah keahlian yang telah ditamatkan oleh EXCO kerana gagal membuat pembayaran yuran tahunan keahlian:

1. Kelab Pengucapan Awam Malaysia
2. Penerbitan Budiman Sdn Bhd
3. Penerbitan Minda Ikhwan
4. Penerbitan PCT Sdn Bhd

14.4 Penukaran nama syarikat

Kumpulan Karang kraf Sdn Bhd telah menukar nama syarikat kepada Grup Majalah Karang kraf Sdn Bhd pada 22 Mac 2012.

B. Hubungan Dengan Agensi Kerajaan

1.0 Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Berikut adalah Mesyuarat Anggota Majlis, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia yang telah dihadiri oleh Dato' Presiden atau wakil MABOPA:

1. Mesyuarat Anggota Majlis, MBKM 1/2011 pada 10 Mei 2011 telah dihadiri oleh Dato' (Dr.) Hussamuddin Bin Haji Yaacub.
2. Mesyuarat Anggota Majlis, MBKM 2/2011 pada 19 Ogos 2011 telah diwakili oleh Tuan Haji Ishak Hamzah.
3. Mesyuarat Anggota Majlis, MBKM 3/2011 pada 20 Disember 2011 telah diwakili oleh Tuan Haji Ishak Hamzah.
4. Mesyuarat Anggota Majlis, MBKM 1/2012 pada 21 Mac 2012 telah diwakili oleh Tuan Haji Ishak Hamzah.

Berikut adalah Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2012 yang telah dihadiri oleh wakil dari MABOPA:

1. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif PBAKL 2012 Bil. 2/2011 pada 11 November 2011 telah diwakili oleh Tuan Haji Ishak Hamzah.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif PBAKL 2012 Bil. 1/2012 pada 31 Januari 2012 telah diwakili oleh Dato' (Dr.) Hussamuddin Haji Yaacub.

1.1 Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2011 (PBAKL2011)

MABOPA telah menerima cek sumbangan dari MBKM sebanyak RM20,000 untuk penglibatan bersama dalam penganjuran PBAKL2011.

1.2 Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2012 (PBAKL2012)

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2012 anjuran Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) akan berlangsung pada 27 April - 6 Mei 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Enam buah dewan dan ruang akan digunakan iaitu Legar Putra, Dewan Tun Dr Ismail, Dewan Tun Hussein Onn, Dewan Tun Razak 3, Dewan Tun Razak 4 serta Bilik Mawar untuk PBAKL2012 dengan anggaran lebih 700 buah gerai pempamer.

Tiga orang Exco MABOPA terlibat secara langsung dalam Jawatankuasa Sekretariat, Encik Abdul Halim Pekan Iskin (aktiviti), Tuan Haji Ishak Hamzah (duta buku), Encik Arief Hakim Sani (KLTCC). Presiden MABOPA, dan presiden - presiden persatuan buku lain terlibat di dalam Jawatankuasa Eksekutif PBAKL2012.

1.3 Festival Buku Kanak-kanak

Festival Buku Kanak-Kanak 2011 adalah anjuran MBKM dengan kerjasama MBBY, MABOPA, Perbadanan Kota Buku dan Perpustakaan Kuala Lumpur yang telah berlangsung pada 27 Oktober - 2 November 2011 di Perpustakaan Kuala Lumpur. Sebanyak lebih kurang 40 gerai pempamer telah mengambil bahagian.

1.4 Kota Buku Kuala Lumpur (KBKL)

Perbadanan Kota Buku (PKB) telah diluluskan penubuhannya pada 6 Julai 2011 dan beroperasi secara rasmi pada 3 Januari 2012. Objektif penubuhan PKB adalah sebagai pusat setempat bagi industri perbukuan negara.

Satu sesi sumbangsaran bersama dengan Penggiat Industri Perbukuan Negara telah diadakan pada 26 -27 Januari 2012 yang bertujuan untuk mengenalpasti keperluan Penggiat Industri Perbukuan Negara dalam usaha menentukan hala tuju PKB.

1.5 Kuala Lumpur Trade & Copyright Centre 2012 (KLTC 2012).

KLTC 2012 akan berlangsung dari 25 hingga 28 April 2012. KLTC adalah usaha membangunkan Kuala Lumpur menjadi pusat dagangan Hak Cipta untuk rantau ASEAN.

MABOPA telah dilantik sebagai pengurus acara untuk projek kali ini. Encik Arief Hakim telah dilantik sebagai pengurus projek. KLTC 2012 menjangkakan penyertaan sebanyak 50 pempamer, dan lebih dari 200 orang trade visitors. Untuk tahun 2012, TCC mula meneroka pasaran *cross media* dengan penyertaan 10 syarikat animasi. Ahli boleh merujuk ke laman web TCC di www.tcckualalumpur.com untuk maklumat lanjut.

1.6 Kajian Pembangunan Industri Buku : Ke Arah Penerbitan 26,000 Judul.

Exco MABOPA, Encik Arief Hakim Sani mewakili persatuan ke dalam jawatankuasa ini. Objektif kajian ini adalah;

1. Mengenal pasti bilangan sebenar judul buku yang diterbitkan di Malaysia dalam pelbagai bahasa.
2. Menganalisis kategori dan genre buku yang diterbitkan di Malaysia.

3. Mengenal pasti penerbit buku, penjual buku dan kedai buku yang beroperasi secara aktif di Malaysia.
4. Mengenal pasti masalah-masalah industri.
5. Merangka strategi ke arah pembangunan penerbitan buku khususnya untuk mencapai 26,000 judul yang merangkumi pelbagai bidang.

MABOPA terlibat secara langsung untuk membekalkan data, dan juga akan membuat survey susulan bila diperlukan. Survey ini diketuai oleh Prof Md Sidin, Universiti Malaya. Melalui penglibatan aktif dalam kajian ini, MABOPA berharap satu kajian industri yang profesional dapat dihasilkan, dan datanya boleh digunakan oleh ahli-ahli dalam rancangan perniagaan mereka.

2.0 Bahagian Buku Teks (BBT)

Secara umumnya, MABOPA telah diterima sebagai satu *stakeholder* yang penting dalam industri penerbitan buku teks oleh BBT. Usaha berterusan di buat oleh Biro Buku Teks MABOPA untuk mengukuhkan lagi hubungan baik yang terjalin selama ini.

3.0 Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

MABOPA telah menghantar surat rasmi kepada Ketua Pengarah, Yg. Bhg. Dato' Haji Raslin Bin Abu Bakar, PNM pada 30 Januari 2012 berkenaan pemilihan bahan-bahan bacaan melalui tender untuk koleksi perpustakaan desa bagi tahun 2012. Pihak persatuan memohon budi bicara PNM untuk menaikkan peruntukan pemilihan judul buku dalam tender dari 30% kepada 50%. Sila lihat lampiran 9.

MABOPA turut menghantar surat susulan yang menyokong permohonan ahli-ahli MABOPA untuk serahan bahan-bahan bagi pembelian buku untuk perpustakaan desa tahun 2012. Sila lihat lampiran 10.

4.0 KEMAS

Pihak persatuan telah menghantar surat rayuan kepada KEMAS untuk membuka tender pembekalan kepada penerbit bukan bumiputera. Namun begitu, pihak KEMAS perlu mematuhi Pekeliling-pekeliling Kementerian Kewangan melalui garis panduan permohonan perolehan secara rundingan terus yang dikeluarkan

pada 17 April 2002. Garis panduan ini jelas menyatakan bahawa rundingan terus hanya boleh dilaksanakan dengan syarikat bumiputera. Sila lihat lampiran 11.

5.0 KASTAM

Exco MABOPA telah menghadiri sesi maklumbalas mengenai isu GST untuk penerbit buku pada 18 Julai 2011 di Putrajaya. Dalam sesi ini, Hj Ishak Hamzah telah menyatakan bantahan persatuan terhadap pelaksanaan GST bagi buku, kerana ini akan menyebabkan kenaikan harga buku naik.

Buat masa ini, tidak ada makluman lanjut dari pihak kerajaan mengenai pelaksanaan GST.

C. Hal Industri

1.0 Malaysia Book Industry Council (MBIC)

Malaysian Book Industry Council (MBIC) telah menghantar dua memorandum kepada YAB Perdana Menteri Malaysia mengenai isu industri buku. Memorandum pertama memohon perhatian khas YAB Perdana Menteri mengenai bajet yang diperuntukan kepada industri buku yang semakin berkurangan. Pihak kerajaan telah mengumumkan program pemberian Boucher Buku 1 Malaysia (BB1M) sebanyak RM200 untuk pelajar pengajian tinggi.

MBIC menghantar memorandum kedua kepada YAB Perdana Menteri meminta supaya pelaksanaan BB1M dibuat secara transparan dan terbuka kepada semua pihak. Ini berturutan dengan ura-ura sesetengah pihak yang mahu BB1M dibuat secara tertutup dan terhad.

Surat juga telah dihantar oleh MBIC kepada Kementerian Pengajian Tinggi meminta supaya agar tempoh sah laku dan tuntutan Boucher Buku berkenaan dilanjutkan sehingga 30 Mei 2012. Ini kerana MBIC mendapati bahawa masih banyak daripada Boucher Buku berkenaan belum dibelanjakan atau dituntut daripada pihak Bank Simpanan Nasional.

Sila lihat lampiran 12, 13 dan 14.

2.0 MBIC Sdn Bhd

Selaras dengan perantikan Exco baru, MABOPA telah melakukan pertukaran pengarah didalam MBIC Sdn Bhd. Pada masa ini, pengarah lantikan MABOPA adalah;

1. Dato' Hussamuddin Yaacub (Hj Ishak Hamzah sebagai pengarah gantian)
2. En Kow Ching Chuan (En Arief Hakim Sani sebagai pengarah gantian)

Pada masa ini, MBIC Sdn Bhd tidak mempunyai sebarang aktiviti perniagaan.

D. Hal Antarabangsa

1.0 International Publishers Association (IPA).

MABOPA tidak bercadang untuk menyertai IPA kerana faktor yuran tahunan yang tinggi, dan manfaat yang tidak jelas kepada ahli.

2.0 Asia Pacific Publishers Association (APPA).

2.1 APPA Executive Committee Meeting.

APPA Executive Committee Meeting telah berlangsung pada 12 Oktober 2011 di Ratio Function Room, Hall 9.1, Frankfurt Book Fair, Frankfurt, Germany. Setiausaha Kehormat, Encik Arief Hakim Sani telah menghadiri mesyuarat ini bagi pihak MABOPA. Beliau hadir atas kosnya sendiri.

3.0 Asean Book Publishers Association (ABPA).

3.1 ABPA Annual General Meeting.

Asean Book Publishers Association (ABPA) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7 pada 28 Oktober 2011 di Glass Hall, Singapore Art Museum, Bras Basah Road, Singapore.

Sila lihat lampiran 15 untuk laporan dari Malaysia.

3.2 Tabung Derma Mangsa Banjir di Thailand.

Semasa Mesyuarat Agung Tahunan ABPA yang ke-7 di Singapura, setiap persatuan di bawah ABPA telah bersetuju untuk menubuhkan satu tabung membantu mangsa bencana banjir besar di Thailand. MABOPA telah berjaya mengumpulkan bantuan sebanyak RM14,000. Wang sumbangan ini telah dihantar kepada pihak *Publishers & Booksellers Association of Thailand (PUBAT)* untuk disalurkan kepada mangsa banjir. Pihak persatuan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli yang telah menyumbang kepada tabung ini.

Sila lihat lampiran 16.

3.3 Singapore Rights Fair

MABOPA telah menyertai acara *Singapore Rights Fair 2011* yang berlangsung pada 27 - 29 Oktober 2011 di *Glass Cafe, Singapore Management University*.

3.4 Indonesia Rights Fair

MABOPA telah menyertai juga acara *Indonesia Rights Fair 2011* pada 27-29 November 2011, di Kenanga Room I, Istora Bung Karno, Jakarta.

Tuan Haji Che Mazlan Bin Haji Saad telah mengkoordinasi dan mengetuai delegasi MABOPA di Indonesia. Seramai 5 penerbit dari Malaysia telah mengambil bahagian dalam acara ini, iaitu Al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd, PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, Saba Islamic Media Sdn Bhd, The Malaya Press Sdn Bhd dan Penerbitan Pelangi Sdn Bhd.

3.5 ABPA Executive Committee Meeting 1/2012.

ABPA mengadakan mesyuarat jawatankuasa eksekutif pada 29 March 2012 di Bangkok, Thailand.

LAPORAN KEWANGAN 2011

(UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011)

MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
(Registered in Malaysia)

FINANCIAL STATEMENTS
FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2011

CONTENTS	PAGE
Auditors' Report to the Members	1
Balance Sheet	2
Statement of Income and Expenditure	3
Statement of Receipts and Payments	4
Notes to the Financial Statements	5 - 10

F.W. WONG & CO.

CHARTERED ACCOUNTANTS
(FIRM NO: AF.0937)

38-M, Jalan Mega Menjung, Off Jalan Klang Lama, 58200 Kuala Lumpur
Tel : 603 - 7981 3810 603 - 7981 3831 Fax : 603 - 7981 3879

AUDITORS' REPORT TO THE MEMBERS OF

MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(Registered in Malaysia)

We have audited the Balance Sheet of the Association as at 31st December, 2011 and the Statement of Income and Expenditure and the Statement of Receipts and Payments for the year then ended as set out on pages 2 to 4 in accordance with the approved standards on auditing in Malaysia and, accordingly, included such tests of the accounting records and such other auditing procedures as we considered appropriate in the circumstances.

In our opinion, the Balance Sheet as at 31st December, 2011 gives a true and fair view of the state of affairs of the Association as at that date and the Statement of Income and Expenditure and the Statement of Receipts and Payments give a true and fair view of the results and the receipts and payments of the Association for the financial year ended on that date according to the best of the information and explanations given to us and as per the books and vouchers of the Association examined by us.



F.W. WONG & CO.

(AF : 0937)

CHARTERED ACCOUNTANTS



WONG FOOK WAH

[1621/05/12 (J)]

CHARTERED ACCOUNTANT

KUALA LUMPUR

29 MARCH 2012

MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(Registered in Malaysia)

BALANCE SHEET AS AT 31ST DECEMBER 2011

	NOTE	2011 RM	2010 RM
NON-CURRENT ASSETS			
Property, plant and equipment	3	402,758.28	412,277.33
Unquoted investment	4	10,000.00	10,000.00
		412,758.28	422,277.33
CURRENT ASSETS			
Subscription receivables	5	8,900.00	6,600.00
Other receivables and sundry deposits	6	8,228.00	21,351.55
Tax recoverable		1,255.00	1,255.00
Fixed deposits with licensed banks		521,141.81	621,036.68
Bank balances	7	39,730.26	5,281.57
		579,255.07	655,524.80
CURRENT LIABILITIES			
Advance subscription received		-	900.00
Other payables and accruals	8	2,755.90	6,083.74
		2,755.90	6,983.74
NET CURRENT ASSETS		576,499.17	648,541.06
		<u>989,257.45</u>	<u>1,070,818.39</u>
MEMBERS' EQUITY			
Accumulated funds	9	910,084.83	991,645.77
Building fund	10	79,172.62	79,172.62
		<u>989,257.45</u>	<u>1,070,818.39</u>



DATO' HUSSAMUDDIN YAACUB
PRESIDENT



KOW CHING CHUAN
TREASURER

The annexed notes form an integral part of the financial statements.

MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION

(Registered in Malaysia)

**STATEMENT OF INCOME AND EXPENDITURE
FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2011**


	NOTE	2011 RM	2010 RM
INCOME			
Annual subscriptions		90,500.00	52,800.00
Entrance fee		3,900.00	4,500.00
Fixed deposit interest received		15,562.84	11,583.24
Management fee		-	40,000.00
Directory income		-	42,570.00
Dividend income		-	100,000.00
Seminar hosting income		18,218.20	2,226.40
Sale of books		2,277.00	-
Book fair income		3,910.00	-
Gala dinner income		90,800.00	-
Gain on disposal of unquoted investment		-	6,600.00
Sundry income		750.00	-
		225,918.04	260,279.64
Less : EXPENDITURE			
Audit fee		2,000.00	1,500.00
A.G.M. expenses		11,140.00	11,513.75
Annual subscription written off		7,400.00	4,800.00
Assessment and quit rent		1,913.11	1,718.95
Bank charges		127.00	37.50
Book fair expenses		2,233.00	-
Depreciation of property, plant and equipment		15,614.40	15,004.86
Donation and gifts		12,443.50	142.20
Electricity and water charges		3,451.45	1,101.30
Employees Provident Fund		5,184.00	1,009.00
Exco blazers and shirts		6,330.00	580.00
Gala dinner expenses		136,115.35	-
Insurance		190.08	190.08
Licence fee		210.00	-
Medical expenses		362.80	-
Meeting expenses		4,723.63	11,627.10
Printing and stationery		8,667.14	2,609.94
Postage and courier services		4,200.43	2,832.05
Purchase of books		1,527.77	-
Salaries, wages and bonus		46,967.00	7,986.00
Seminar hosting expenses		12,920.20	-
Service tax		90.00	60.00
Secretarial fees		-	2,700.00
Socso		692.35	134.45

Mesyuarat Agung Tahunan MABOPA Ke-43	2012
--------------------------------------	------

	NOTE	2011 RM	2010 RM
Sundry expenses		115.00	136.00
Subscription		2,755.00	2,317.50
Telephone charges		2,508.85	1,211.35
Travelling expenses		4,164.65	4,199.65
Upkeep of office		7,914.92	7,275.55
Website expenses		1,760.00	403.00
		303,721.63	81,090.23
(DEFICIT)/SURPLUS OF INCOME OVER EXPENDITURE BEFORE TAXATION		(77,803.59)	179,189.41
Taxation		(3,757.35)	(3,367.68)
(DEFICIT)/SURPLUS OF INCOME OVER EXPENDITURE AFTER TAXATION	9	(81,560.94)	175,821.73



DATO' HUSSAMUDDIN YAACUB
PRESIDENT



KOW CHING CHUAN
TREASURER

The annexed notes form an integral part of the financial statements.


MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
(Registered in Malaysia)

STATEMENT OF RECEIPTS AND PAYMENTS
FOR THE YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2011


	NOTE	2011 RM	2010 RM
RECEIPTS			
Annual subscriptions		79,000.00	46,200.00
Entrance fee		3,900.00	4,500.00
Fixed deposit interest received		14,932.84	10,546.56
Subscription in arrears		900.00	4,500.00
Management fee		-	40,000.00
Directory income		-	42,570.00
Seminar hosting income		18,218.20	-
Sale of books		2,277.00	-
Book fair income		3,910.00	-
Gala dinner income		90,800.00	-
Sundry income		750.00	-
		214,688.04	148,316.56
Less : PAYMENTS			
Audit fee		1,500.00	1,200.00
A.G.M. expenses		11,140.00	11,513.75
Assesment and quit rent		1,913.11	1,718.95
Bank charges		127.00	37.50
Book fair expenses		2,233.00	-
Donation and gifts		12,443.50	142.20
Electricity and water charges		3,579.15	1,101.30
Employees Provident Fund		5,184.00	1,009.00
Exco blazers and shirts		6,910.00	580.00
Gala dinner expenses		136,115.35	-
Insurance		190.08	190.08
Indonesia book fair expenses		-	6,300.00
Licence fee		210.00	-
Medical expenses		362.80	-
Meeting expenses		5,044.63	10,063.36
Printing and stationery		8,707.18	2,609.94
Postage and courier services		4,810.43	2,832.05
Purchase of books		1,527.77	-
Salaries, wages and bonus		46,967.00	7,986.00
Seminar hosting expenses		12,920.20	13,877.15
Service tax		90.00	60.00
Secretarial charges		-	2,700.00
Socso		692.35	134.45
Subscription		2,755.00	1,687.50

Mesyuarat Agung Tahunan MABOPA Ke-43	2012
--------------------------------------	------

	NOTE	2011 RM	2010 RM
Sundry expenses		115.00	136.00
Telephone charges		3,063.95	1,211.35
Travelling expenses		4,164.65	4,199.65
Upkeep of office		7,914.92	7,275.55
Website expenses		1,760.00	403.00
		282,441.07	78,968.78
(DEFICIT)/SURPLUS OF RECEIPTS OVER PAYMENTS	7	(67,753.03)	69,347.78



DATO' HUSSAMUDDIN YAACUB
PRESIDENT



KOW CHING CHUAN
TREASURER

The annexed notes form an integral part of the financial statements.

MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
(Registered in Malaysia)

NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS – 31ST DECEMBER 2011

1. ORGANISATION AND OBJECTIVES

The association is a non-profit organisation with the following main objectives: -

- a) To encourage the widest possible spread of publications.
- b) To foster the development of the publishing industry in Malaysia.
- c) To promote, preserve and propagate Malaysia's heritage and cultural diversity through publications.
- d) To encourage Malaysian authorship.
- e) To encourage the improvement of the technical and professional qualifications of members of the Association.
- f) To promote and protect by all lawful means the principles of copyright and to defend copyright against all infringements which may restrict the rights of copyright owner.
- g) To promote and protect by all lawful means the mutual interests of the members of the Association.
- h) To examine all legislative proposals likely to affect the publishing industry and to support, oppose or secure amendments, as may be expedient.
- i) To study and resolve problems related to the publishing industry.
- j) To encourage fair trade practices and maintain high standards of workmanship and service in the publishing industry.
- k) To cooperate with other associations, organizations and bodies in their effort to promote reading and the publishing industry.
- l) To purchase, take on lease or rent premises for use of the Association in line with its objectives.

2. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES

(a) General

All accounting policies are consistent with those applied in the previous year.

(b) Accounting Convention

The financial statements of the Association have been prepared under the historical cost convention.

(c) Property, Plant and Equipment and Depreciation

Property, plant and equipment are stated at cost less accumulated depreciation and accumulated impairment loss, if any, and are depreciated on the straight line method to write off the cost of the property, plant and equipment over their estimated useful lives.

The principal annual rates used for this purpose are: -

Furniture and fittings	10%
Office equipment	10%
Electrical installation	10%
Telephone installation	10%
Office building	2%
Renovation	10%

Fully depreciated property, plant and equipment are retained in the financial statements until there are no longer in use and no further charge for depreciation is made in respect of these property, plant and equipment.

An item of property, plant and equipment is derecognised upon disposal or when no future economic benefits are expected from its use or disposal. Any gain or loss on derecognition of the asset is included in the income statement in the year the asset is derecognised.

(d) Unquoted Investment

Unquoted investment which is held for long term purposes is stated at cost less allowance for diminution in value, if any.

(e) Impairment of Assets

The carrying amounts of assets, except for financial assets are reviewed at each balance sheet date to determine whether there is any indication of impairment. If such an indication exists, the asset's recoverable amount is estimated. The recoverable amount is the higher of net selling price and the value in use, which is measured by reference to discounted future cash flows. An impairment loss is recognised whenever the carrying amount of an item of assets exceeds its recoverable amount. An impairment loss is recognised as an expense in the income statement.

Any subsequent increase in recoverable amount due to a reversal of impairment loss is restricted to the carrying amount that would have been determined (net of accumulated depreciation for property, plant and equipment) had no impairment loss been recognised in prior years. The reversal of impairment loss is recognised as revenue in the income statement.

(f) Receivables

Receivables are stated at cost less allowance for doubtful debts, if any, which is the anticipated realisable values.

Known bad debts are written off and specific allowance is made for those debts considered to be doubtful of collection.

(g) Payables

Payables are stated at cost which is the fair value of the consideration to be paid in the future for goods and services received.

3. PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT

	At 1.1.11	Additions	At 31.12.11
Cost	RM	RM	RM
Furniture and fittings	15,895.20	597.35	16,492.55
Office equipment	41,940.10	5,498.00	47,438.10
Electrical installation	255.00	-	255.00
Telephone installation	280.00	-	280.00
Office building	355,427.75	-	355,427.75
Renovation	33,960.00	-	33,960.00
Total	447,758.05	6,095.35	453,853.40

	At 1.1.11	Charge for the year	At 31.12.11
Accumulated Depreciation	RM	RM	RM
Furniture and fittings	5,068.20	1,262.74	6,330.94
Office equipment	12,264.40	3,847.10	16,111.50
Electrical installation	255.00	-	255.00
Telephone installation	280.00	-	280.00
Office building	14,217.12	7,108.56	21,325.68
Renovation	3,396.00	3,396.00	6,792.00
Total	35,480.72	15,614.40	51,095.12

	At 31.12.11	At 31.12.10
Net Book Value	RM	RM
Furniture and fittings	10,161.61	10,827.00
Office equipment	31,326.60	29,675.70
Electrical installation	-	-
Telephone installation	-	-
Office building	334,102.07	341,210.63
Renovation	27,168.00	30,564.00
Total	402,758.28	412,277.33

Depreciation charge for the year ended 31.12.10	RM
Furniture and fittings	1,203.00
Office equipment	3,297.30
Office building	7,108.56
Renovation	3,396.00
Total	15,004.86

4. UNQUOTED INVESTMENT

	2011 RM	2010 RM
Unquoted shares, at cost		
At beginning of the year	10,000	25,000
Disposed during the year	-	(15,000)
At end of the year	10,000	10,000

5. SUBSCRIPTION RECEIVABLES

	2011 RM	2010 RM
<u>Annual Subscription – 2008</u>		
Kelab Pengucapan Awam Malaysia	-	300.00
Penerbitan Budiman Sdn.Bhd.	-	300.00
Penerbitan Minda Ikhwan	-	300.00
Penerbitan PCT Sdn.Bhd.	-	300.00
	-	1,200.00
<u>Annual Subscription – 2009</u>		
Kelab Pengucapan Awam Malaysia	-	300.00
Penerbit Universiti Teknologi Malaysia	-	300.00
Penerbitan Budiman Sdn.Bhd.	-	300.00
Penerbitan Minda Ikhwan	-	300.00
Penerbitan PCT Sdn.Bhd.	-	300.00
Penerbitan Seri Kota	-	300.00
	-	1,800.00
<u>Annual Subscription – 2010</u>		
Dewan Bahasa Dan Pustaka	-	300.00
Kelab Pengucapan Awam Malaysia	-	300.00
Navision (M) Sdn. Bhd.	-	300.00
Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia	300.00	300.00
Penerbit Universiti Teknologi Malaysia	-	300.00
Penerbitan Budiman Sdn.Bhd.	-	300.00
Penerbitan Minda Ikhwan	-	300.00
Penerbitan PCT Sdn.Bhd.	-	300.00
Penerbitan Seri Kota	-	300.00
Pustaka Antara Sdn.Bhd.	300.00	300.00
Rhythm Publishing Co. Sdn. Bhd.	-	300.00
Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.	300.00	300.00
	900.00	3,600.00

Annual Subscription – 2011

Ariff Illustrations & Publications Sdn. Bhd.	500.00	-
Creative Enterprise Sdn. Bhd.	500.00	-
Fajar Ulung Sdn. Bhd.	500.00	-
Future Text Publications Sdn.Bhd.	500.00	-
Jade Green Publications Sdn. Bhd.	500.00	-
Kemilau Publika Sdn. Bhd.	500.00	-
Pearson Malaysia Sdn. Bhd.	500.00	-
Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia	500.00	-
Pustaka Antara Sdn. Bhd.	500.00	-
Pustaka Azhar Sdn. Bhd.	500.00	-
S.E. Supplies (M) Sdn. Bhd.	500.00	-
Synergymate Sdn. Bhd.	500.00	-
Vanakkam Malaysia Dotcom Sdn. Bhd.	500.00	-
Venton Publishing Sdn. Bhd.	500.00	-
Wise Words Publishing Sdn. Bhd.	500.00	-
Yayasan Ilmuwan	500.00	-
	8,000.00	-
Total subscription receivables	8,900.00	6,600.00

6. OTHER RECEIVABLES AND DEPOSITS

	2011 RM	2010 RM
Other receivables	4,380.00	19,003.55
Deposits	3,848.00	2,348.00
	8,228.00	21,351.55

7. BANK BALANCES

	2011 RM	2010 RM
Bank balances	39,730.26	5,281.57
Reconciliation of bank balances: -		
At beginning of the year	5,281.57	87,968.22
Withdrawal of fixed deposits	100,460.12	339,396.25
Placement in fixed deposits	(565.25)	(220,000.00)
Proceed from disposal of unquoted investment	-	21,600.00
Purchase of office building	-	(310,500.00)
Purchase of property, plant and equipment	(6,095.35)	(78,963.00)
Dividend received	-	100,000.00
Income tax paid	(3,757.35)	(3,367.68)
Deposits paid	(1,500.00)	(1,100.00)
Advance from members	-	900.00

Mesyuarat Agung Tahunan MABOPA Ke-43	2012
---	-------------

Receipt from other receivables	14,623.55	-
Payment to other payables	(964.00)	-
(Deficit)/Surplus of receipts over payments	(67,753.03)	69,347.78
At end of the year	39,730.26	5,281.57

8. OTHER PAYABLES AND ACCRUALS


	2011 RM	2010 RM
Other payables	755.90	1,719.90
Accruals	2,000.00	4,363.84
	2,755.90	6,083.74

9. ACCUMULATED FUNDS

	2011 RM	2010 RM
At beginning of the year	991,645.77	426,436.29
(Deficit)/Surplus of income over expenditure	(81,560.94)	175,821.73
Transfer from building fund	-	389,387.75
At end of the year	910,084.83	991,645.77

10. BUILDING FUND

	2011 RM	2010 RM
At beginning of the year	79,172.62	468,560.37
Transfer to accumulated funds	-	(389,387.75)
At end of the year	79,172.62	79,172.62



DATO' HUSSAMUDDIN YAACUB
PRESIDENT



KOW CHING CHUAN
TREASURER

CADANGAN USUL

LAMPIRAN

Lampiran 1	<i>Rules & Constitution of MABOPA (With Amendments up to 11 November 2011)</i>
Lampiran 2	Memorandum Cadangan bagi Meningkatkan Kualiti dan Kelancaran Proses Penerbitan dan Penedaran Buku Teks KBSM & KSSR
Lampiran 3	Surat Kepada Pengarah Bahagian Buku Teks: Rayuan Memohon Perlanjutan Tempoh Pembekalan Buku Teks Kegunaan Tahun 2012 Ke Sabah, Sarawak dan WP Labuan Kepada 29 Disember 2011.
Lampiran 4	Surat Kepada Pengarah Bahagian Buku Teks: Garis Panduan Untuk Penghasilan Buku Kerja dan Bahan Bercetak Bukan Bawah Kawalan KPM.
Lampiran 5	Senarai Laman Sesawang pembelian buku teks secara <i>online</i> dan alamat emel ahli yang menawarkan pesanan melalui emel.
Lampiran 6	Surat rayuan kepada pihak KDN pada 20 September 2011 untuk menanggungkan pelaksanaan penggunaan hologram.
Lampiran 7	Surat rayuan kepada pihak KDN pada 12 November 2011 untuk menanggungkan pelaksanaan penggunaan hologram.
Lampiran 8	Gambar-gambar semasa <i>Selling Rights: Intermediate and Advance Level Course</i> pada 11 – 13 Julai 2011
Lampiran 9	Surat kepada Ketua Pengarah, PNM berkenaan pemilihan bahan-bahan bacaan melalui tender untuk koleksi perpustakaan desa bagi tahun 2012.
Lampiran 10	Surat sokongan untuk ahli-ahli MABOPA bagi pemilihan bahan-bahan bacaan melalui tender untuk koleksi perpustakaan desa bagi tahun 2012
Lampiran 11	Garis panduan tender pembekalan KEMAS.
Lampiran 12	Memorandum kepada YAB Perdana Menteri mengenai bajet yang diperuntukan kepada industri buku.
Lampiran 13	Memorandum kepada YAB Perdana Menteri meminta supaya pelaksanaan BB1M dibuat secara transparan dan terbuka kepada semua pihak.
Lampiran 14	Surat kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) meminta supaya agar tempoh sah laku dan tuntutan Baucer Buku dilanjutkan sehingga 30 Mei 2012.
Lampiran 15	<i>ABPA Annual General Meeting 7: Laporan dari Malaysia</i>
Lampiran 16	Senarai Ahli yang telah memberi sumbangan dalam tabung derma mangsa banjir di Thailand.

Lampiran 1 :

Rules & Constitution of MABOPA (With Amendments up to 11 November 2011)

RULE 1**Name and Place of Business**

1. The Association shall be known as the Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Malaysian Book Publishers Association).
